

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27 September 2015

Salleh perjelas salah tanggapan terhadap PM

Um - 27/9/2015

■ KUALA LUMPUR 26 SEPT.

DATUK Seri Dr. Salleh Said Keruak menegur bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berpendapat beliau mempunyai hak untuk menyingkirkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menteri Komunikasi dan Multimedia itu berkata, ini berpunca daripada sikap Dr. Mahathir yang percaya bahawa beliau merupakan individu yang telah berusaha keras untuk menjadikan Najib sebagai Perdana Menteri.

Ini, katanya, sama seperti apa yang orang di Amerika Syarikat kata iaitu "If I can hire, then I can fire (Jika saya boleh ambil bekerja, oleh itu saya boleh pecat)."

"Sebenarnya ini adalah tidak benar dan merupakan salah tanggapan. Dr. Mahathir bukan bos atau majikan Najib yang boleh memecat beliau sesuka hatinya," katanya menerusi catatan dalam blog beliau sskeruak.blogspot.my.

Sesetengah orang, katanya, mungkin menggelarnya delusi atau khayalan untuk seseorang itu fikir

yang beliau boleh menentukan siapa patut dan tidak patut memimpin negara, seolah-olah sistem demokrasi tentang bagaimana pemimpin dan kerajaan dalam sesebuah negara dipilih, sudah tidak lagi wujud.

"Dr. Mahathir mungkin boleh membuat dakwaan itu apabila membabitkan Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Lagipun beliau yang melantik Abdullah sebagai timbalannya dan akhirnya meletak jawatan dan menyerahkan kepemimpinan negara kepada Abdullah," katanya.

Salleh berkata, sebenarnya Abdullah yang telah melantik Najib sebagai timbalannya, dan jika ada sesiapa yang boleh mendakwa bahawa beliau yang bertanggungjawab menjadikan Najib sebagai Perdana Menteri, pastinya Abdullah yang wajar membuat dakwaan itu.

Menteri itu mengambil perha-



MOHD SALLEH SAID KERUAK

tian bahawa pada 2013, Najib menajui Barisan Nasional dalam pilihan raya umum dan parti pemerintah telah memenangi pilihan raya itu.

"Jadi, pada 2013, rakyat atau pengundi, dan bukan Dr. Mahathir, yang menjadikan Najib sebagai Perdana Menteri. Dr Mahathir hanya seorang daripada 11 juta pengundi," katanya.

Salleh seterusnya berkata, UMNO yang telah memilih Najib sebagai presiden parti, dengan itu menjadikan beliau pemimpin UMNO yang telah dipilih oleh anggota parti secara sah.

"Sekurang-kurangnya tiada dakwaan tentang berlakunya penipuan semasa pemilihan parti dan Najib tidak membatalkan pendaftaran UMNO untuk menutup penipuan seperti apa yang Bapa Merdeka, Almarhum Tunku Abdul Rahman, dakwa Dr. Mahathir telah lakukan pada 1987," katanya. - BERNAMA